




PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN, PENAMATAN DAN PELETAKAN JAWATAN

PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN



Objektif

1

Staf perlu mengetahui dan memahami:-

2

perkara-perkara yang berkaitan dengan pengesahan dalam perkhidmatan

3

tindakan yang perlu diambil untuk disahkan dalam perkhidmatan

kesan jika seseorang staf tidak disahkan dalam perkhidmatan

Peraturan Digunapakai

PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM

(PELANTIKAN, KENAIKAN PANGKAT DAN
PENAMATAN PERKHIDMATAN) 2012

[P.U.(A) 1/2012]

(berkuat kuasa & diwartakan pada 1 Januari 2012)

Apakah Pengesahan dalam Perkhidmatan?



Proses memperakukan pegawai memenuhi semua syarat yang dinyatakan dalam skim perkhidmatan atau apa-apa syarat lain yang ditentukan dari semasa ke semasa. Setiap pegawai yang dilantik dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan sekurang-kurangnya minimum 1 tahun dan maksimum 3 tahun

Apakah Syarat Umum Pengesahan dalam Perkhidmatan?



BC4DCP : Baseline Competencies for Differential Career Path

PPP : Pengurusan Profesional dan Pelaksana

SEPT : Sijil Eksekutif Pengajian Tinggi

Penerangan Mengenai Syarat Umum

Satu tempoh untuk menilai kebolehan dan kesesuaian pegawai yang dilantik sebelum layak disahkan dalam perkhidmatannya.

Mesti berkhidmat dalam tempoh percubaan sekurang-kurangnya minima 1 tahun dan maksima 3 tahun

Tempoh Percubaan
1-3 tahun

Disyaratkan kepada pegawai lantikan pertama pada atau selepas 1 Januari 2013 yang berkhidmat secara tetap dalam perkhidmatan awam

Berkuat kuasa berdasarkan **Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 14 Tahun 2012**

Program Transformasi Minda

PPP
SEPT- Perlu diikuti oleh staf gred 41 ke atas mulai lantikan **1 Julai 2015**.

AKADEMIK
BC4DCP- Perlu diikuti oleh staf akademik mulai lantikan **1 Julai 2018**

SEPT/ BC4DCP
(jika berkaitan)

Diambil oleh staf lantikan tetap

Hanya bagi skim yang mensyaratkan keperluan lulus peperiksaan perkhidmatan awam

Peperiksaan Perkhidmatan Awam
(jika berkaitan)


Perakuan Ketua Jabatan



Ketua Jabatan boleh membuat perakuan untuk **mengesahkan perkhidmatan staf atau sebaliknya** berdasarkan

- penilaian prestasi
- personaliti
- Tatakelakuan
- dan lain-lain

Penerangan Syarat/Senarai Semak Pengesahan dalam Perkhidmatan



| SYARAT/SENARAI SEMAK | AKADEMIK | PPP |
|------------------------------|---|--|
| Penilaian Prestasi | Sekurang-kurangnya 80% pada tahun terkini | 1 tahun perkhidmatan – 90% 2 tahun perkhidmatan – 85% (purata) 3 tahun perkhidmatan – 80% (purata) |
| Rekod Kehadiran | | Sekurang-kurangnya 95% |
| Tatakelakuan | | Pematuhan Aku Janji |
| Perisyntiharhan Harta | | Diluluskan oleh JK Tatatertib |

Proses Kelulusan Pengesahan Dalam Perkhidmatan

GRED



Perakuan



Kelulusan



Pemakluman

VK07

JP Kursi

LPU

-

45 - 53

JPG

JPU

-

41 - 43

JPPE 41

JPU

-

1 - 29


-

JPKP 1 - 38

JPU

- 1** Sehari selepas **genap** satu (1) atau tiga (3) tahun perkhidmatan setelah mematuhi syarat yang ditetapkan; dan / atau
- 2** Sehari selepas menghadiri dengan jayanya **kursus** yang disyaratkan;
- 3** Sehari selepas menghadiri dengan jayanya **Program Transformasi Minda**;
- 4** Sehari selepas menduduki **peperiksaan** yang dilulusinya;
- 5** Sehari selepas tarikh kuat kuasa **opsyen**;
- 6** Sehari selepas tarikh **perakuan Ketua Jabatan** bagi yang dilanjutkan tempoh percubaan kerana tidak mendapat sokongan Ketua Jabatan;
- 7** Pada tarikh yang ditetapkan oleh **Jawatankuasa Pemilih** setelah staf memenuhi semua syarat pengesahan yang ditetapkan.

- 1** Pelanjutan Tempoh Percubaan
- 2** Pinjaman Perumahan Kerajaan
- 3** Pemberian Taraf Berpencen
- 4** Pergerakan Gaji (berdenda)
- 5** Kembali ke Skim Perkhidmatan Terdahulu (Jawatan Asal)
- 6** Ditamatkan Perkhidmatan



Pelanjutan Tempoh Percubaan



Pelanjutan Tanpa Denda

Pelanjutan kerana gagal disahkan dalam tempoh asal yang ditetapkan **BUKAN** disebabkan oleh Tindakan Tatatertib/ Kecuaian Pegawai



Pelanjutan Berdenda

Pelanjutan kerana gagal disahkan dalam perkhidmatan disebabkan oleh kesilapan, kecuaian dan kelemahan pegawai.

Kesan:

1. Hilang kekanan selama tempoh pelanjutan
2. Tiada kenaikan gaji dalam tempoh pelanjutan
3. Tarikh pergerakan gaji berubah ke tahun berikutnya



**Pelanjutan Tempoh
Percubaan MAKSIMUM
24 bulan sahaja!**

Cuti Tanpa Gaji Mengikut Pasangan Pegawai Dalam Tempoh Percubaan

- Tempoh percubaan dibekukan sepanjang tempoh CTG dan baki tempoh percubaan akan disambung apabila pegawai kembali bertugas.
- Boleh dipertimbangkan untuk mengikuti kursus PTM atau menduduki peperiksaan perkhidmatan bagi tujuan pengesahan dalam perkhidmatan dengan perbelanjaan ditanggung oleh pegawai.
- Pegawai yang telah memenuhi semua syarat pengesahan dalam perkhidmatan sebelum diluluskan CTG mengikut pasangan boleh disahkan dalam perkhidmatan sehari selepas tarikh pegawai memenuhi semua syarat pengesahan dalam perkhidmatan yang ditetapkan.
- Bagi pegawai yang memenuhi semua syarat pengesahan dalam perkhidmatan semasa bercuti, tarikh pengesahan boleh ditetapkan mulai tarikh pegawai melaporkan diri bertugas.



Sumber:

- PP 5/2016, Dasar Baharu Cuti Tanpa Gaji Bagi Pegawai Yang Mengikut Pasangan Bertugas Atau Berkursus Di Dalam Atau Di Luar Negara
- SPP 4/2009, Kesan Ke Atas Perkhidmatan Bagi Pegawai Yang Diluluskan Cuti Bergaji Penuh, Cuti Separuh Gaji Dan Cuti Tanpa Gaji

Kembali Ke Dalam Skim Perkhidmatan Terdahulu

SITUASI

Seseorang pegawai yang **telah disahkan dalam perkhidmatan di skim perkhidmatan terdahulunya** dibenarkan kembali ke dalam skim perkhidmatan dan gred terdahulunya jika:

- a) Pegawai itu **gagal untuk disahkan dalam perkhidmatan di skim perkhidmatan yang lain** itu, dengan syarat kegalannya bukanlah atas sebab kelakuannya yang tidak memuaskan.
- b) Pegawai itu **memohon untuk kembali** ke skim perkhidmatan terdahulunya, dengan syarat dia **telah melalui tempoh percubaan minimum yang telah ditetapkan dalam skim perkhidmatan yang lain** itu.

SYARAT

Seseorang pegawai boleh dibenarkan kembali ke dalam skim perkhidmatan dan gred terdahulunya **sebelum disahkan dalam perkhidmatan yang lain itu** jika:

- a) Ada **kekosongan jawatan** dalam skim perkhidmatan terdahulunya.
- b) Kelulusan Ketua Perkhidmatan yang berkenaan diperoleh.
- c) Jawatan dalam skim perkhidmatan terdahulu adalah di bawah **bidang kuasa pihak berkuasa melantik yang sama**.

Skim Pencen VS Skim KWSP



Asas Perundangan



Akta Berkaitan



Skim Pencen



Skim KWSP

Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) 1991
(Akta 452)



Akta Pencen 1980
(Akta 227)



Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 (Akta 239);



Akta Penyelaras Pencen 1980 (Akta 238).



NOTA : Tertakluk kepada pindaan yang berkuat kuasa daripada semasa ke semasa.

Pemberian Taraf Berpencen

Skim KWSP

Tiada istilah bersara awal atau bersara pilihan.

Tiada konsep “Pemberian Taraf Berpencen”

Skim Pencen

Diberikan oleh PBM setelah anggota **disahkan dalam jawatan sekarang** & berkhidmat sekurang-kurangnya **3 tahun**.

Anggota tetap yang telah **disahkan dalam jawatan** disifatkan menjadi anggota berpencen apabila mati dalam perkhidmatan / bersara ASK / bersara sebab dilantik berkhidmat dalam pertubuhan walaupun belum genap **10 tahun** perkhidmatan yang boleh dimasukira

Taraf anggota berpencen melayakkan anggota diberi faedah persaraan

Penamatian Tanpa Persaraan*

Skim KWSP



Jumlah caruman Kerajaan (majikan) dan caruman anggota kepada KWSP, berserta faedah ke atasnya kekal dalam akaun KWSP anggota untuk “dicantumkan” dengan caruman semasa pekerjaan seterusnya dan boleh dikeluarkan oleh pekerja mengikut peruntukan undang-undang KWSP yang berkuat kuasa.

Skim Pencen



Anggota **tidak** diberi apa-apa faedah persaraan. Jumlah caruman Kerajaan (majikan) dan caruman anggota kepada KWSP, berserta faedah ke atasnya sebelum anggota memperolehi taraf berpencen, kekal dalam akaun KWSP anggota untuk “dicantumkan” dengan caruman KWSP semasa pekerjaan seterusnya dan boleh dikeluarkan oleh pekerja mengikut peruntukan undang-undang KWSP yang berkuat kuasa.

PENAMATAN PERKHIDMATAN



Objektif



Jenis Penamatan

Mengenalpasti dan mengetahui jenis dan perkara yang berkaitan dengan penamatan



Elak Ditamatkan

Mengetahui langkah-langkah yang perlu dilakukan oleh seseorang staf bagi mengelakkan ditamatkan perkhidmatan



Panduan dan Prosedur


Mengetahui tentang panduan/ prosedur penamatan perkhidmatan seseorang staf

Penamatan Staf Berdasarkan Lantikan



Staf tetap dalam tempoh percubaan

- Ditamatkan perkhidmatan tanpa sebarang sebab
- Gagal disahkan kerana tidak memenuhi syarat pengesahan dalam perkhidmatan



Staf tetap telah disahkan dalam perkhidmatan

- Penamatan hanya boleh dibuat melalui Jawatankuasa Tatatertib dan PDKA
- Rujukan Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 ([Akta 605](#))



Staf kontrak/ sementara

Penamatan perkhidmatan adalah tertakluk kepada [syarat kontrak](#)

Penamatan Perkhidmatan Dalam Tempoh Percubaan

- Menyembunyikan apa-apa maklumat tentang kesihatannya dalam borang Pemeriksaan Perubatan;
- Membuat **akuan palsu** dalam Surat Akuan Sumpah (**akuan berkanun**);
- Tidak mematuhi kehendak dalam **Surat Aku Janji**;
- Meminda atau **memalsukan** apa-apa dokumen berhubungan dengan pelantikannya;



Staf tetap dalam
tempoh percubaan

Penamatan Perkhidmatan Dalam Tempoh Percubaan

- **Gagal Tapisan Keselamatan;**
- **Gagal mendapat perakuan Ketua Jabatan (prestasi yang tidak memuaskan);** dan
- **Gagal dalam peperiksaan dan / atau Program Transformasi Minda (PTM) dan/atau lain-lain kursus atau latihan yang disyaratkan bagi tujuan pengesahan dalam perkhidmatan**



Staf tetap dalam
tempoh percubaan

Staf tetap telah
disahkan dalam
perkhidmatan

Bermaksud perkhidmatan seseorang pegawai ditamatkan kerana perkhidmatannya sebagai penjawat awam tidak diperlukan lagi demi kepentingan awam merangkumi;

- Syarat-syarat perkhidmatan
- Kegunaan pegawai itu kepada perkhidmatannya
- Kerja dan kelakuan pegawai
- Segala hal keadaan lain kes itu

Sekiranya pegawai tidak dikeluarkan dari perkhidmatan awam, ianya akan menjelas kepentingan awam

Penamatan Demi Kepentingan Awam

Staf tetap telah
disahkan dalam
perkhidmatan

Dikenakan terhadap pegawai yang telah disahkan dalam perkhidmatan dan berpencen.

Implikasi ke atas seseorang yang ditamatkan perkhidmatannya ialah dia tidak lagi berada dalam perkhidmatan Badan Berkanun, tetapi mendapat faedah persaraan

Bukan satu hukuman.

TETAPI

Satu prosedur untuk menamatkan perkhidmatan pegawai

Penamatan Demi Kepentingan Awam

Staf tetap telah
disahkan dalam
perkhidmatan

ASAS-ASAS PERAKUAN;

1. Prestasi dan Kegunaan Pegawai
 - Prestasi Merosot/Sangat lemah Tiada Potensi untuk memberi sumbangan kepada perkhidmatan
 - Kehadiran di pejabat membebankan badan berkanun
 - Kelemahan disebabkan sesuatu kemalangan atau pristiwa yang mana pegawai berkenaan tidak berupaya mengatasinya.
2. Sering melakukan kesalahan tatatertib yang tidak begitu serius
 - * Tindakan-tindakan tatatertib tidak dapat memberi kesedaran dan keinsafan
3. Tidak Sesuai Diuruskan Mengikut Prosedur tatatertib

**Penamatan Demi
Kepentingan Awam**

- * Keselamatan Negara
- * Rahsia Kerajaan

Staf tetap telah disahkan dalam perkhidmatan

Penamatan Demi Kepentingan Awam

4.Kesan Hukuman tatatertib Tidak Begitu Tepat Dengan Keadaan Kes Berkenaan

Contohnya : Pegawai hendak dikeluarkan dari perkhidmatan kerana kesalahan yang dilakukan agak berat tetapi kerajaan masih mengambil kira sumbangan-sumbangannya dan hendak diberi faedah saraan.

5.Diperakui oleh Pegawai Perubatan Kerajaan Sebagai Mengguna, Mengambil (selain daripada maksud perubatan), menyalahgunakan atau menagih dadah berbahaya;

- Prosedur ini terpakai bagi kes pegawai yang ditangkap dibawah Akta Penagihan Dadah (Rawatan & Pemulihan) 1983, Akta 283
- Pegawai telah diperintahkan oleh Mahkamah untuk menjalani rawatan dan pemulihan di Pusat Serenti.

Staf tetap telah
disahkan dalam
perkhidmatan

Peluang Tunjuk Sebab

Perkhidmatan seseorang pegawai tidak boleh ditamatkan melainkan jika pegawai itu telah diberi **peluang untuk menunjukkan sebab dalam tempoh tidak kurang daripada 14 hari** dari tarikh penerimaan notis untuk menunjukkan sebab mengapa perkhidmatannya tidak boleh ditamatkan.

**Penamatan Demi
Kepentingan Awam**


Pelantikan Semula

Seseorang pegawai yang telah ditamatkan perkhidmatan atau dibuang kerja **tidak boleh dilantik semula** ke dalam perkhidmatan awam **kecuali dengan kebenaran khas suruhanjaya.**

PELETAKAN JAWATAN



Proses Meletak Jawatan/Meninggalkan Perkhidmatan



Nota:

- *Rujuk PP 56/2018*
 - *BPMP- Borang Perakuan Meninggalkan Perkhidmatan*

Format Notis Peletakan Jawatan

(nama dan alamat pegawai)
.....
.....

Melalui:

(Ketua Jabatan)
.....
.....

Kepada :

Pendaftar
Universiti Teknologi Malaysia
(U/P: ...Timbalan Pendaftar Kanan, Bahagian Sumber Manusia...)

Tuan,

PELETAKAN JAWATAN SEBAGAI.....(nama jawatan).....

Dengan hormatnya saya(nama penuh)..... berjawatan sebagai(nama jawatan dan gred jawatan)..... bertugas di(nama tempat bertugas)..... dan bergaji akhir RM(gaji pokok)..... meletak jawatan dengan memberi tempoh notis 30 hari mulai.....(tarikh).....hingga.....(tarikh).....(tarikh ini hendaklah tidak lebih awal dari tarikh notis ditandatangan).

Nota:

- Rujuk PP 56/2018
- BPMP- Borang Perakuan Meninggalkan Perkhidmatan

2. Peletakan jawatan saya adalah atas sebab.....
.....

3. Saya seperti yang tersebut di atas, dengan ini mengesahkan bahawa saya:-

Tidak mempunyai baki kontrak berkhidmat dengan Kerajaan

Mempunyai ikatan kontrak untuk berkhidmat dengan Kerajaan seperti berikut*

| BIL | PROGRAM / PENAJA | TEMPOH KONTRAK | TARIKH KUAT KUASA |
|-----|------------------|----------------|-------------------|
| | | | |
| | | | |
| | | | |

* Program : Hadiah Latihan Persekutuan (HLP), Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB) / Skim Latihan Akademik IPTA (SLAI) dan lain-lain.

Penaja: JPA, KKM, MOSTI, KPT, NRE dan lain-lain.

4. Dengan peletakan jawatan ini, saya bertanggungjawab menguruskan segala tanggungan hutang dan ikatan perjanjian saya dengan pihak berkuasa yang berkaitan.

Sekian, terima kasih.

Tandatangan :

Nama Penuh :

No. K/P :

No. Pekerja :

Tarikh :

s.k. :

.....(Ketua Jabatan baru).....

terima kasih.



Seksyen Perkhidmatan dan Saraan
Bahagian Sumber Manusia
Jabatan Pendaftar